SEKOLAH BERASRAMA PENUH

BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH / KLUSTER
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN** **1103/1**

# SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008

**BAHASA MELAYU**
**Kertas 1**
**Ogos**

**2 ¼ jam**

**Dua jam lima belas minit**

## JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian:* **Bahagian A** *dan* **Bahagian B.**

2. *Jawab soalan* **Bahagian A** dan **satu** *soalan daripada* **Bahagian B.**

3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan rumi atau jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.



www.banksoalanspm.com

**Bahagian A**

[30 *markah*]

[*Masa dicadangkan : 45 minit*]

*Lihat carta pai di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang* **langkah-langkah untuk mengatasi masalah keracunan makanan di Malaysia**. *Panjang huraian hendaklah* **antara 200 hingga 250 patah perkataan.**




(Sumber : Keracunan Makanan di Malaysia
Dewan Siswa, Oktober 2007).


www.banksoalanspm.com

## Bahagian B

[100 *markah*]
[*Masa dicadangkan :* 1 *jam* 30 *minit*]

*Pilih* **satu** *daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya* **lebih daripada 350 patah perkataan.**

1. Persatuan Bahasa Melayu di sekolah anda telah mengadakan lawatan sambil belajar ke beberapa tempat pelancongan di Malaysia. Sebagai setiausaha persatuan, anda diminta menulis laporan tentang lawatan tersebut.

   Tulis laporan itu selengkapnya.

2. Kini ibu bapa terlalu mementingkan pencapaian akademik anak-anak mereka. Oleh hal yang demikian, mereka tidak memberikan galakan kepada anak-anak dalam aktiviti kokurikulum terutamanya sukan.

   Huraikan pendapat anda tentang peranan ibu bapa menggalakkan anak-anak menceburi bidang sukan.

3. Isu kenaikan harga barang hangat diperkatakan oleh masyarakat pada hari ini. Sebagai seorang pengguna yang prihatin, tulis sebuah rencana tentang kesan-kesan daripada kenaikan tersebut kepada masyarakat dan negara, serta cadangkan langkah-langkah untuk mengatasinya.

   Tuliskan rencana tersebut selengkapnya.

4. Peranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) adalah untuk memastikan keamanan sejagat. Namun, banyak negara di dunia mengalami masalah peperangan, kemiskinan dan kebuluran.

   Bahaskan penyataan di atas.

5. Pada hari ini, banyak buku hasil karya penulis muda di Malaysia seperti Faisal Tehrani dan Nisah Haron telah mendapat tempat dalam kalangan remaja. Karya yang berkualiti ini telah berjaya menambah bahan bacaan di pasaran.

   Huraikan ciri-ciri sebuah karya sastera yang menarik pada pandangan anda.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

 © 2008 Hak Cipta SBP www.banksoalanspm.com 

**SEKOLAH BERASRAMA PENUH**

**BAHAGIAN PENGURUSAN**
**SEKOLAH BERASRAMA PENUH / KLUSTER**
**KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

# PERATURAN PEMARKAHAN
# 1103/1

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN
## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008
## BAHASA MELAYU

**Kertas 1**
**Ogos**

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

## AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh.** Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.



www.banksoalanspm.com

**PERATURAN PEMARKAHAN**
**KERTAS 1**

**Bahagian A: Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan**

**[30 markah]**

**KRITERIA PENSKORAN**

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|---|---|
| **Cemerlang** | **26 – 30**<br><br>atas<br>(28 – 30)<br><br>(26 – 27)<br>bawah | • Karangan **menepati** tema bahan rangsangan.<br><br>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sisitem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata luas dan **tepat.**<br><br>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan **ungkapan yang menarik** (peribahasa, slogan, kata-kata ucapan)<br><br>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan jelas dan **matang.** |
| **Kepujian** | **20 – 25**<br><br>atas<br>(23 – 25)<br><br>(20 – 22)<br>bawah | • Karangan **menepati** tema bahan rangsangan.<br><br>• Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata **luas.**<br><br>• Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.<br><br>• Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan dihuraikan dengan **jelas.** |

www.banksoalanspm.com

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|---|---|
| **Memuaskan** | **15 – 19**<br><br>atas<br>(17 – 19)<br><br>(15 – 16)<br>bawah | • Karangan **masih** menepati tema bahan rangsangan.<br><br>• Bahasa **masih** gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca **masih** betul dan tepat. Ejaan **masih** mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum.<br><br>• Wacananya **masih** lengkap. Unsur bahasa **masih** bervariasi.<br><br>• Idea **masih** relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea **masih** jelas. |
| **Kurang memuaskan** | **10 – 14**<br><br>atas<br>(12 – 14)<br><br>(10 – 11)<br>bawah | • Karangan **kurang** menepati tema bahan rangsangan.<br><br>• Bahasa **kurang** gramatis dari segi kata dan ayat. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat **kesalahan ejaan yang ketara**. Penggunaan kosa kata **terhad.**<br><br>• Wacana **kurang** lengkap. Unsur bahasa **kurang** bervariasi.<br><br>• Idea **kurang relevan** dengan tema bahan rangsangan<br>dan huraiannya **kurang jelas**. |
| **Pencapaian Minimun** | **01 – 09**<br><br>atas<br>(06 – 09)<br><br>(01 –05)<br>bawah | • Calon **tidak** menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.<br><br>• **Banyak** kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.<br><br>• Idea **tidak** menepati tema bahan rangsangan. |

www.banksoalanspm.com

**Bahagian B: Karangan Respons Terbuka**

**[100 markah]**

**PERINCIAN PEMARKAHAN**

**Cara Pemeriksaan**

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan.

2. Jika karangan:

    a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa

    b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan

3. **Kesalahan format** hendaklah ditolak **maksimum 2 markah**.

4. **Kesalahan ejaan** hendaklah ditolak ½ markah dan pemotongan **maksimum 3 markah.** Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang**.**

5. Cara menanda kesalahan isi, ejaan dan tanda baca:

**(     )** = Kesalahan isi

_____ = Kesalahan bahasa, rangkai klata dan perkataan

/ = Kesalahan ejaan dan huruf besar (nama khas)

// = Kesalahan ejaan yang berulang

 = Kesalahan tanda baca



www.banksoalanspm.com

**KRITERIA**

| KRITERIA | DESKRIPSI |
|---|---|
| **1. BAHASA**<br>(Mekanis) | • Kegramatisan – kata (morfologi)<br>- ayat (sintaksis)<br>• Tanda baca<br>• Ejaan |
| **2. LARAS**<br>(Dinamis) | • Pemilihan kosa kata |
| **3. IDEA (ISI)** | • Tema<br>• Isi utama<br>• Pengembangan (huraian/ bahasa/hujahan/ contoh)<br>• Kerelevenan |
| **4. PENGOLAHAN** | • Wacana<br>• Logik<br>• Pemerengganan<br>• Format |
| **5. GAYA BAHASA** | • Keindahan bahasa<br>• Ungkapan<br>• Peribahasa |



www.banksoalanspm.com

## KRITERIA PENSKORAN

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|---|---|
| **CEMERLANG** | **80 – 100**<br>(90 – 100)<br>(80 – 89) | • Penggunaan **pelbagai jenis kata** yang luas dan tepat.<br>• Penggunaan **pelbagai ayat majmuk** yang gramatis.<br>• **Ejaan** dan **tanda baca** betul<br>• Laras bahasa sesuai dengan tugasan<br>• Penggunaan **kosa kata** luas dan tepat<br>• **Idea relevan** mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai<br>• **Pengolahan** menarik dan berkesan serta pemerenggananan sesuai.<br>• **Wacana** lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.<br>• Penggunaan **unsur bahasa bervariasi**<br>• **Gaya bahasa** menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. |
| **KEPUJIAN** | **66 – 79**<br>(73 – 79)<br>(66 – 72) | • Penggunaan **pelbagai jenis kata** yang tepat.<br>• Penggunaan **pelbagai ayat majmuk** yang gramatis tetapi terdapat **kesalahan yang minimum**<br>• **Ejaan** dan **tanda baca** betul<br>• **Laras bahasa** sesuai dengan tugasan.<br>• Penggunaan **kosa kata** luas dan tepat<br>• **Idea relevan** mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas, diserta dengan contoh yang sesuai.<br>• **Pengolahan** menarik dan berkesan serta pemerenggananan sesuai.<br>• **Wacana** lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.<br>• Penggunaan **unsur bahasa masih** bervariasi.<br>**Gaya bahasa masih** menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa. |

www.banksoalanspm.com

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|---|---|
| **BAIK** | **51 - 65**<br>(58 – 65)<br>(51 – 57) | • Penggunaan **pelbagai jenis kata** sesuai.<br>• Penggunaan **ayat majmuk** gramatis tetapi terdapat **kesalahan yang minimum.**<br>• **Ejaan** dan **tanda baca masih** betul.<br>• **Laras bahasa** sesuai mengikut tugasan.<br>• Penggunaan **kosa kata umum.**<br>• **Idea masih relevan** mengikut tugasan, huraian isi **masih** jelas dan contoh **masih** sesuai.<br>• **Pengolahan masih** menarik, dan pemerenggganan **masih** sesuai.<br>• **Wacana masih** lengkap<br>• Penggunaan **unsur bahasa masih bervariasi.**<br>• **Gaya bahasa kurang** menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan **kurang** berkesan. |
| **MEMUASKAN** | **36 – 50**<br>(43 – 50)<br>(36 – 42) | • Penggunaan **pelbagai jenis kata terhad.**<br>• Ayat **kurang** gramatis**.**<br>• **Ejaan** dan **tanda baca** betul tetapi **terdapat kesalahan yang minimum.**<br>• **Laras bahasa kurang** sesuai.<br>• Penggunaan **kosa kata umum** dan **terhad**.<br>• **Idea masih relevan** mengikut tugasan, huraian isi **kurang** jelas dan contoh **kurang** sesuai.<br>• **Pengolahan kurang** menarik, pemerenggganan **kurang** sesuai.<br>• **Wacana masih / kurang** lengkap<br>• Penggunaan **unsur bahasa kurang** bervariasi.<br>• **Gaya bahasa kurang** menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan **kurang** berkesan. |

www.banksoalanspm.com

| PERINGKAT | MARKAH | KRITERIA |
|---|---|---|
| **KURANG MEMUASKAN** | 21 – 35<br>(28 – 35)<br>(21 – 27) | • Penggunaan **kata kurang tepat**.<br>• Ayat **tidak gramatis** tetapi **masih difahami**.<br>• Terdapat **kesalahan ejaan dan tanda baca** yang **ketara.**<br>• **Idea masih relevan / idea bercampur aduk** dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.<br>• **Pengolahan** tidak menarik.<br>• **Wacana** tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang.<br>• **Unsur bahasa** tidak bervariasi.<br>• **Gaya bahasa** dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah. |
| **PENCAPAIAN MINIMUM** | **01 – 20**<br>(11 – 20)<br>(01 – 10) | • Keseluruhan menunjukkan penggunaan **kata** dan **aya**t yang **tidak gramatis**.<br>• Kesalahan **ejaan** dan **tanda baca** yang **ketara.**<br>• **Idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas**/ tidak berkembang dan **contoh tidak sesuai**.<br>• **Pengolahan** tidak menarik.<br>• **Wacana** tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.<br>• **Gaya bahasa** dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah serta tidak menarik.<br>• Keseluruhan karangan **sukar / tidak difahami**. |

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Cara menulis** | **K** | **-** | **Peringkat markah** | **Contoh** | **K** | **-** | **75** |
| | **- E** | **-** | **Mak 3 markah** | | **- E** | **-** | **03** |
| | **- F** | **-** | **Mak 2 makah** | | **- F** | **-** | **02** |
| | **Jumlah** | **-** | **Markah bersih** | | **J** | **-** | **70** |

www.banksoalanspm.com

**BAHAGIAN A** SKEMA PEMARKAHAN BAHASA MELAYU KERTAS I PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2008

Bahagian A : (30 Markah) SKEMA JAWAPAN : KERTAS 1 BAHASA MELAYU

BAHAGIAN A (30 MARKAH)

Tema : Keracunan makanan
Tugasan : Langkah-langkah mengatasi masalah keracunan makanan
Diharapkan calon dapat menggunakan ungkapan menarik

Cadangan isi:

- Amalan kebersihan diri dengan membasuh tangan sebelum memegang makanan dan memakannya.
- Buah-buahan dan ulaman mestilah dibasuh bersih .
- Makanan mesti ditutup untuk mengelak daripada dihinggapi lalat atau serangga.
- Makan di premis yang bersih.
- Makan makanan yang baru dimasak dan elakkan daripada makan makanan yang telah lama atau tidak ditutup.
- Membawa bekalan ke tempat kerja.

Kemungkinan:
Calon menjawab punca-punca keracunan -diterima - kurang memuaskan.
Calon menjawab sebab dan langkah-diterima - memuaskan.

Jawapan yang sesuai boleh diterima.

BAHAGIAN B - (100 MARKAH)

Soalan 1. Karangan Berformat (Laporan)

Markah dipotong jika tiada

Tajuk Laporan
Nama pelapor
(Maksimum dipotong 2 markah)

Tugasan : Diharapkan calon dapat menulis laporan tempat yang telah dilawati.

Cadangan isi

1. Faedah yang diperoleh daripada lawatan tersebut.

www.banksoalanspm.com

Soalan 2 : Karangan tidak berformat

Tugasan : Diharapkan calon dapat menulis tentang peranan ibu bapa menggalakkan anak-anak menceburi bidang sukan.

Cadangan isi

1. Memberi sokongan secara langsung dan tidak langsung.
2. Memberi penghargaan kepada anak-anak apabila mereka mencapai kejayaan.

Soalan 3 : Karangan berformat (Rencana)

Tugasan : Diharapkan calon dapat menulis tentang kesan-kesan daripada kenaikan harga barang dan langkah-langkah mengatasinya.

Cadangan isi:

Kesan kenaikan harga barang

a. Kekurangan wang untuk membeli keperluan asas.
b. Tabungan masyarakat menurun
c. Rasa tidak puas hati terhadap pemimpin.
d. Perbalahan atau pertengkaran mudah tercetus.
e. Kegiatan jenayah meningkat.

Langkah

a. Merancang sebelum keluar membeli-belah.
b. Berbelanja secara berhemah (membeli barang yang perlu sahaja)
c. Mengurangkan makan di luar terutamanya makanan segera yang mahal.
d. Bercucuk tanam.
e. Membawa bekalan ke sekolah atau ke tempat kerja.
f. Menggunakan kenderaan awam.

Soalan 4 : Karangan tidak berformat

Tugasan : Diharapkan calon-calon dapat membincangkan peranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sama ada berjaya atau gagal untuk mengatasi masalah kemiskinan dan kebuluran yang berlaku di seluruh dunia.

www.banksoalanspm.com

Cadangan isi:

Bersetuju

1. Negara di dunia masih menghormati peranan PBB.
2. PBB masih dapat mengawal dan mengekalkan kestabilan kebanyakan negara di dunia.

Tidak Bersetuju

1. Kuasa veto menentukan arah tuju PBB.
2. PBB gagal membendung peperangan yang dicetuskan oleh negara-negara besar.
3. PBB gagal membantu negara-negara miskin dari segi bekalan makanan perubatan dan keperluan sosial yang lain.

Soalan 5 : Karangan : Tidak Berformat

Tugasan :Diharapkan calon dapat menulis ciri-ciri sebuah karya yang menarik.

Cadangan isi:

Jawapan merangkumi aspek kajian sastera seperti tema dan persoalan, watak dan perwatakan, plot, nilai dan pengajaran, teknik penulisan dan gaya bahasa.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

www.banksoalanspm.com